

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

SOALAN NO. 242

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah "Medical Officer (MO), Pharmacist, Dentist" yang ditawarkan kontrak tetap mengikut negeri dan juga peratusan di setiap negeri.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jumlah Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi yang telah dilantik kontrak sejak Disember 2016 adalah seramai 25,586 orang. Pecahan mengikut skim perkhidmatan adalah seperti berikut:

- a) Pegawai Perubatan melibatkan 17,183 orang;
- b) Pegawai Pergigian melibatkan 3,627 orang; dan
- c) Pegawai Farmasi melibatkan 4,776 orang.

Pegawai yang berjaya dilantik secara tetap adalah merupakan bakat terbaik yang telah melepasi syarat yang ditetapkan berdasarkan merit dan tertakluk kepada bilangan kekosongan jawatan tetap semasa pertimbangan tersebut. Tiada sebarang kuota mengikut negeri yang ditetapkan. Bilangan pegawai yang telah ditawarkan pelantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah seperti berikut:

a) 542 orang Pegawai Perubatan dengan perincian mengikut negeri dengan peratusan adalah seperti berikut:

- i. Perlis : 13 orang (2.4%);
- ii. Kedah : 58 orang(10.7%);
- iii. Pulau Pinang : 25 orang (4.6%);
- iv. Perak : 121 orang (22.3%);
- v. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya : 18 orang (3.3%);
- vi. Selangor : 1 orang (0.2%);
- vii. Melaka : 31 orang (5.7%);
- viii. Johor : 113 orang (20.8%);
- ix. Pahang : 59 orang (10.9%);
- x. Terengganu : 9 orang (1.7%);
- xi. Kelantan : 18 orang (3.3%);
- xii. Sarawak : 50 orang (9.2%);
- xiii. Sabah : 20 orang (3.7%); dan
- xiv. Wilayah Persekutuan Labuan : 6 orang (1.1%)

b) 186 orang Pegawai Pergigian dengan perincian mengikut negeri dengan peratusan adalah seperti berikut:

- i. Perlis – 6 orang (3.2%);
- ii. Kedah – 17 orang (9.1%);
- iii. Pulau Pinang – 8 orang (4.3%);
- iv. Perak – 13 orang (7.0%);
- v. Johor – 23 orang (12.4%);
- vi. Pahang – 24 orang (12.9%);
- vii. Terengganu – 15 orang (8.1%);
- viii. Kelantan – 10 orang (5.4%);
- ix. Sarawak – 32 orang (17.2%);
- x. Sabah – 32 orang (17.2%); dan
- xi. Wilayah Persekutuan Labuan – 6 orang (3.2%).

c) 519 orang Pegawai Farmasi dengan perincian mengikut negeri dengan peratusan adalah seperti berikut:

- i. Perlis – 10 orang (1.9%);
- ii. Kedah – 20 (3.9%);
- iii. Pulau Pinang – 20 orang (3.9%);
- iv. Perak – 56 orang (10.8%);
- v. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – 22 orang (4.2%);
- vi. Selangor – 10 orang (1.9%);
- vii. Negeri Sembilan – 20 orang (3.9%);
- viii. Melaka – 18 orang (3.5%);
- ix. Johor – 57 orang (11.0%);
- x. Pahang – 57 orang (11.0%);
- xi. Terengganu – 21 orang (4.0%);
- xii. Kelantan – 21 orang (4.0%);
- xiii. Sarawak – 43 orang (8.3%);
- xiv. Sabah – 137 orang (26.4%); dan
- xv. Wilayah Persekutuan Labuan – 7 orang (1.3%)

Sekian, terima kasih.